

**Jenis Akhbar : Bernama Online**  
**Tarikh : 14/10/2017**  
**Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)**

## **Angkasa Harap Bajet 2018 Beri Pelbagai Insentif Kepada Sektor Koperasi**

ALOR SETAR, 14 Okt (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap Bajet 2018 yang akan dibentang tidak lama lagi dapat memberi pelbagai insentif dan inisiatif kepada sektor koperasi dalam merangsang pertumbuhan perniagaan koperasi di negara ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata kerajaan juga diharap dapat menyediakan dana pembangunan perniagaan untuk koperasi yang ingin menceburti perniagaan besar selain peluang perniagaan kepada koperasi dalam usaha menjayakan perniagaan yang lebih besar.

"Kami juga berharap kadar cukai koperasi sekarang iaitu sebanyak 24 peratus dapat diturunkan kepada 21 peratus kerana kita juga perlu menyumbang tiga peratus untuk Tabung Pembangunan dan Pendidikan Koperasi yang menjadikan kadar cukai keseluruhan sebanyak 27 peratus.

"Jumlah 27 peratus itu tinggi. Jadi saya harap kadar cukai koperasi itu dapat dikurangkan kerana dengan pengurangan cukai ini akan membolehkan pihak koperasi menggunakan lebihan wang itu untuk pembangunan koperasi," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Abdul Fattah berkata pengurangan cukai itu juga dapat menjana semula pendapatan bagi membolehkan Angkasa mengembangkan 13,428 sektor koperasi yang ada di seluruh negara.

Selain itu, Angkasa turut berharap kerajaan dapat menambah peruntukan Tabung Modal Pusingan Perniagaan Koperasi kepada RM500 juta supaya koperasi boleh menjalankan perniagaan yang menguntungkan anggotanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Seminar Tadbir Urus Cukai dan Integriti Sektor Koperasi di TH Hotel and Convention Centre yang dihadiri 460 peserta dari Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

-- BERNAMA